

## **PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE FOR VISITORS FUJIFILM (MALAYSIA) SDN. BHD.**

### **VERSI BAHASA MELAYU**

#### **PENGENALAN**

FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai “FMAL” atau “kami”) menghormati hak privasi dan keselamatan data peribadi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi (“Notis”) ini menjelaskan cara FMAL memproses data peribadi anda bermula daripada pengumpulan, penggunaan, perkongsian dan pemusnahan serta langkah keselamatan yang kami ambil untuk memastikan data peribadi anda dilindungi berlandaskan Akta Perlindungan Data Peribadi (“Akta”).

#### **PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Kami mengumpul data peribadi anda yang terdiri daripada nama anda, nombor pengenalan, nombor passport, alamat e-mel, nombor telefon, maklumat biometrik, foto dan maklumat mengenai kunjungan anda ke pejabat atau premis kami, imej anda seperti yang dirakam melalui televisyen litar tertutup kami (CCTV) dan data peribadi yang berkenaan untuk tujuan yang telah dipersetujui terlebih dahulu dan pada kadar yang diperlukan.

#### **SUMBER PENGUMPULAN**

Kami mendapatkan data peribadi anda daripada:

1. Daftar pelawat (melalui QR atau buku log yang diselenggara di kaunter penerimaan tetamu).
2. Rakaman CCTV.
3. Gambar atau video yang diambil oleh kami atau wakil kami apabila anda menghadiri mana-mana acara kami di pejabat atau premis kami.
4. FUJIFILM *Repair Form*.

Kami mungkin akan mengumpul data peribadi tambahan bagi tujuan urusan perniagaan, sekiranya perlu.

#### **TUJUAN PENGUMPULAN**

Kami mengumpul data peribadi anda untuk:

1. Pengesahan identiti anda atas tujuan keselamatan.
2. Membantu dan mengarahkan anda ke lokasi yang betul semasa kunjungan anda ke pejabat atau premis kami.
3. Menghubungi anda, setelah anda meninggalkan pejabat atau premis kami apabila perlu (sekiranya anda secara tidak sengaja meninggalkan barang-barang peribadi anda di pejabat atau premis kami).
4. Menyelesaikan aduan (sekiranya berlaku)

#### **PEMROSESAN DATA PERIBADI**

Kami merupakan rangkaian syarikat multinasional dan mempunyai pangkalan data di pelbagai negara. Kami mungkin berkongsi data peribadi anda ke salah satu pangkalan data kami yang berada di luar Malaysia. Justeru itu, kami akan memastikan bahawa semua pemindahan data rentas sempadan mematuhi Notis ini, undang-undang dan peraturan yang terpakai.

#### **PENZAHIRAN**

Kami akan menzahirkan data peribadi anda kepada:

1. Pihak ketiga yang dilantik dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kami (sekiranya berkenaan), rakan niaga, rangkaian Syarikat kami, rakan kongsi dan anak syarikat ("Pihak Ketiga yang Dibenarkan").
2. Jabatan dalaman, termasuk jabatan IT, jabatan pentadbiran atau mana-mana jabatan lain jika akses kepada data diperlukan untuk melaksanakan tugas mereka.
3. Pihak berkuasa untuk tujuan perundangan/peraturan.

**PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE FOR VISITORS  
FUJIFILM (MALAYSIA) SDN. BHD.**

**LANGKAH KESELAMATAN**

Data peribadi anda akan dikendalikan dengan cara yang sesuai di bawah tanggungjawab setiap jabatan FMAL yang menerima data peribadi tersebut. Kami menggunakan rangkaian data yang dilindungi oleh perlindungan *firewall* dan kata laluan standard industri dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan, akses yang tidak dibenarkan, pendedahan, perubahan, atau kehancuran.

**TEMPOH PENYIMPANAN**

FMAL akan menyimpan data peribadi anda berlandaskan Akta. Kami akan melupuskan data peribadi anda atau memadam akses bagi sebarang maklumat yang boleh dikaitkan dengan data peribadi anda, sebaik sahaja penyimpanan data peribadi anda tidak lagi diperlukan untuk tujuan undang-undang ataupun perniagaan.

**HAK ANDA**

Anda boleh pada bila-bila masa berhubung dengan kami melalui [fmal.dpo@fujifilm.com](mailto:fmal.dpo@fujifilm.com) bagi tujuan berikut: -

1. Untuk meminta akses kepada data peribadi anda dengan notis yang munasabah.
2. Untuk membuat pembetulan dan/atau pengemaskinian data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, atau sudah lapuk.
3. Untuk membataskan pemprosesan data peribadi anda dengan menarik balik kebenaran, namun, ini mungkin memberi kesan kepada perkhidmatan berterusan kami kepada anda.

**HUBUNGI KAMI**

Anda boleh hubungi kami berkaitan data peribadi anda melalui:

Nombor telefon : +603 - 5569 8388

Emel: [fmal.dpo@fujifilm.com](mailto:fmal.dpo@fujifilm.com)

Alamat: FUJIFILM (Malaysia) Sdn. Bhd., Level 19, CelcomDigi Tower, No. 6, Persiaran Barat, Seksyen 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.